

**SIARAN AKHBAR**

**JERAYAWARA HARI MENABUNG KEBANGSAAN 2018**  
**KAMPUS INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI (IBTE)**  
**SULTAN SAIFUL RIJAL, BRUNEI MUARA**  
**HARI RABU, 27<sup>HB</sup> SYAWAL 1439 BERSAMAAN DENGAN 11<sup>HB</sup> JULAI 2018**

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah mengadakan jerayawara yang terakhir bagi Hari Menabung Kebangsaan 2018 di Kampus Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Sultan Saiful Rijal pada hari Rabu, 27hb Syawal 1439H bersamaan 11hb Julai 2018. Jerayawara ini telah dianjurkan oleh AMBD dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, Radio Televisyen Brunei (RTB), dan Tabung Amanah Pekerja.
2. Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat di jerayawara tersebut ialah Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman dan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, Ahli-Ahli Mesyuarat Negara. Jerayawara tersebut juga turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan daripada AMBD dan Kementerian Pendidikan.
3. Jerayawara-jerayawara bagi Hari Menabung Kebangsaan 2018 mengekalkan tema 'Generasi Celik Kewangan' dan berhasrat untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan budaya menabung dan kebebasan kewangan (*financial independence*) dalam kalangan penuntut pusat tingkatan enam dan institut pendidikan tinggi. Pada tahun 2016, jerayawara Hari Menabung Kebangsaan telah dikendalikan ke sekolah-sekolah rendah, dan seterusnya ke sekolah-sekolah menengah pada tahun 2017. Inisiatif ini adalah selaras dengan matlamat AMBD untuk membangun generasi celik kewangan dan objektif Wawasan Brunei 2035 untuk membangun ekonomi yang dinamik dan mampan serta rakyat dan penduduk yang berkemahiran tinggi.
4. Seramai lebih 550 orang penuntut daripada pusat tingkatan enam dan institusi pengajian tinggi dari seluruh negara telah dijemput untuk menyertai aktiviti-aktiviti interaktif yang bertemakan pengurusan kewangan dan pengenalan mata wang. Aktiviti-aktiviti ini dikendalikan oleh AMBD bersama pihak TAP, Junior Achievement Brunei, bank-bank, serta syarikat-syarikat insurans dan pengendali-pengendali Takaful tempatan.
5. Acara kemuncak bagi Hari Menabung Kebangsaan 2018 adalah *Financial Fun Fair* yang akan diadakan di Jerudong Park Colonnade pada hari Sabtu, 4hb Ogos 2018 bermula jam 4 petang hingga 10 malam dan pada hari Ahad, 5hb Ogos 2018 bermula jam 12 tengahari hingga 6 petang. Pelbagai program dan aktiviti untuk seisi keluarga akan ditampilkan pada acara itu nanti. Di samping itu, *Financial Showcase* sempena Hari Menabung Kebangsaan 2018 juga akan diadakan pada bulan September 2018.

6. Bagi maklumat lanjut mengenai dengan Hari Menabung Kebangsaan 2018, orang ramai boleh melayari laman web AMBD di [www.ambd.gov.bn/nsd2018](http://www.ambd.gov.bn/nsd2018) atau memuat turun AMBD App melalui 'App Store' atau 'Google Playstore' atau mengikuti akaun Instagram AMBD di @autoriti\_monetari.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 27 Syawal 1439 / 11 Julai 2018

Rujukan: AMBD/COMMS/3